



Penyata Rasmi

**PERSIDANGAN DEWAN
NEGERI JOHOR**

**MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

Pada
11 SEPTEMBER 2025

Disediakan oleh
**PEJABAT JURUTULIS DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM**

SENARAI KANDUNGAN

BIL. PERKARA MUKA SURAT

HARI KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2025

1.	Kehadiran.	1
2.	Doa.	5
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	5
4.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat.	5
5.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	6
6.	Soalan-Soalan Bertulis dan Jawapan.	17
7.	Rundingan Mengenai Pemilihan Ahli Dewan Negara.	17
8.	Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2025.	18
9.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2025.	20
10.	Penangguhan.	26
11.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	27

~~~~~ *Dewan Negeri Johor* ~~~~~

**PENYATA RASMI**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**  
**DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

**HARI KHAMIS,**

**11 SEPTEMBER 2025**

**BIL. 13 TAHUN 15**

**HADIR**

**Speaker Dewan Negeri Johor**

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.  
(Rengit)

**Menteri Besar Johor (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,  
Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan)**

YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.  
(Machap)

**Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buloh Kasap)

**Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.  
(Bukit Permai)

**Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya**

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.  
(Tenggaroh)

**Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

YB Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On  
(Serom)

**Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

YB Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah  
(Larkin)

**Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam**

YB Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid  
(Semerah)

**Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar**

YB Tuan Ling Tian Soon  
(Yong Peng)

**Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan Hal Ehwal Pengguna dan Sumber  
Manusia**

YB Tuan Lee Ting Han  
(Paloh)

**Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi**

YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh  
(Bukit Pasir)

**Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan**

YB Tuan Aznan bin Tamin

(Tanjung Surat)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.  
(Layang-Layang)

YB Cik Norlizah binti Noh  
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.  
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap  
(Pemanis)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.  
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani  
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong  
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor  
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.  
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.  
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri  
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.  
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.  
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim  
(Sungai Balang)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib  
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.  
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail  
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.  
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok  
(Tiram)

YB Tuan Syed Hussien bin Syed Abdullah  
(Mahkota)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Tuan Liew Chin Tong  
(Perling)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern  
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim  
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim  
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang  
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman  
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.  
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.  
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib  
(Maharani)

YB Puan Amira Aisya binti Abd Aziz  
(Puteri Wangsa)

#### **TIDAK HADIR**

YB Puan Hajah Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

#### **TURUT HADIR**

### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

Setiausaha Kerajaan Johor.  
Yang Berhormat Dato' Haji Asman Shah bin Abd Rahman

Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Yang Berhormat Datuk Abd Aziz bin Engan, DPSM.

Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Yang Berhormat Dato' Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd. Kadir, DMIJ., PIS, PSI.

**Persidangan bermula jam 9:30 pagi.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(YB Speaker membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.**

**YB Speaker :** Bismillahirrahmanirrahim. Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar. (Bacaan selawat). Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam Maju Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana pada pagi ini kita dapat mengadakan Persidangan Dewan Negeri Johor Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Kelima Belas. Terima kasih.

**YB Speaker :** Pemasyhuran oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor. Bahawasanya, diperuntukkan oleh Peraturan Tetap Bilangan 6 (1), Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Negeri Johor:

Bahawa Penggal-Penggal Persidangan Dewan Negeri hendaklah diadakan pada apa jua masa dan tempat yang ditetapkan oleh Raja di dalam Warta Kerajaan dari satu masa ke satu masa.

Maka oleh yang demikian, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor pada 29 Julai 2025 telah memperkenankan Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Kelima Belas diadakan di Dewan Persidangan Bangunan Temenggong Ibrahim, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Bandar Medini Iskandar, Iskandar Puteri, Johor.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan Yang Berbahagia Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh, Ahli Dewan Negeri Kawasan Permas daripada 10 Mei 2018 hingga 22 Januari 2022 telah kembali ke rahmatullah pada 25 Ogos 2025.

Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham Yang Berbahagia Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga roh Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan bagi orang-orang Islam membaca Al-Fatihah dan bukan Islam berdiri bertafakur selama satu minit. Silakan. Terima kasih.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Dato' Haji Asman Shah Abdul Rahman yang telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang baru. Tahniah.

Dan Dewan yang mulia ini juga ingin merakamkan terima kasih kepada Datuk Bandar Iskandar Puteri kerana membenarkan kita meminjam Dewan ini untuk Persidangan kali ini. Terima kasih. Sila.

**Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 20 hingga 22 Tahun 2025.

- Bilangan 20 Tahun 2025 - Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama Tahun 2025.
- Bilangan 21 Tahun 2025 - Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2025.
- Bilangan 22 Tahun 2025 - Penyata Kewangan Tabung Amanah Warisan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2025.

- Bilangan 23 Tahun 2025 - Penyata Kewangan Yayasan Warisan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2025.

- Bilangan 24 Tahun 2025 - Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2025.

- Bilangan 25 Tahun 2025 - Penyata Kewangan Perbadanan Taman Negara (Johor) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 26 dan Bilangan 27 Tahun 2025.

- Bilangan 26 Tahun 2025 - Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor 2023.

- Bilangan 27 Tahun 2025 - Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor 2024.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2025.

- Bilangan 28 Tahun 2025 - Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Dijemput, Yang Berhormat Pemanis.

**YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis):** Bismillahirrahmanirrahim. Assalammualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh dan salam Sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Pemanis nombor 1.

Apakah inisiatif Kerajaan negeri bagi membantu rakyat menghadapi peningkatan kos sara hidup serta bagaimana peningkatan hasil negeri dimanfaatkan untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat Johor terus terjamin.

**YB Speaker:** Sila, Yang Berhormat Gambir, jemput.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir):** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 2. Terima kasih.

Apakah strategi utama kerajaan negeri dalam membantu rakyat berdepan dengan peningkatan kos sara hidup, dan bagaimana hasil negeri dimanfaatkan untuk memperkukuh kesejahteraan rakyat Johor?

**YB Speaker:** Dijemput Yang Berhormat Kota Iskandar.

**YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar):** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 3. Terima kasih.

Bagaimanakah kerajaan negeri merangka inisiatif untuk membantu rakyat menghadapi tekanan kos sara hidup, dan dalam masa yang sama memastikan hasil negeri dimanfaatkan demi kesejahteraan rakyat Johor?

**YB Speaker:** Dijemput Yang Berhormat Parit Yaani.

**YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri (Parit Yaani):** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 4.

Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dalam meringankan beban kos sara hidup rakyat, serta bagaimana peningkatan hasil negeri digunakan bagi menjamin kesejahteraan mereka?

**YB Speaker:** Sila Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya menjawab soalan, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Bandar MBIP dan seluruh kakitangannya yang telah membenarkan kita untuk bersidang di Dewan Bangunan Temenggong Ibrahim ini. Saya rasa Datuk Speaker, ini kali pertama dalam sejarah negeri Johor, kita mengadakan Persidangan di luar Bangunan Sultan Ismail ataupun di luar Bukit Timbalan. Jadi, kita sekali lagi mengucapkan kejayaan kepada Datuk Bandar, yang kebetulan hari ini menyambut hari jadinya yang ke 21.

**YB Speaker:** Tahniah.

**YAB Menteri Besar:** Terima kasih juga saya ucapkan kepada Datuk Speaker, kerana telah menegur kita di Dewan yang lepas jadi dari segi kerja-kerja penambahbaikan untuk Dewan di Bangunan Sultan Ismail sedang giat dilaksanakan. Insyallah pada Persidangan bulan 11 kita akan kembali bersidang di Bangunan Sultan Ismail, insya-Allah.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pemanis, Yang Berhormat Gambir, Kota Iskandar dan juga Parit Yaani atas soalan mengenai kos sara hidup dan juga kesejahteraan rakyat. Yang Berhormat Datuk Speaker, syukur alhamdulillah Johor kini berada pada landasan yang baik, segala usaha kita bersama dalam membangunkan negeri yang kita cintai ini sudah mula membuahkan hasil dengan pencapaian demi pencapaian yang membanggakan. Kerana kalau benih padi yang disemai, mana mungkin yang tumbuhnya lalang.

Dalam suku kedua tahun ini sahaja, Johor telah mencatatkan pelaburan diluluskan berjumlah RM56 bilion bukan sahaja satu peningkatan luar biasa berbanding tempoh yang sama tahun lalu, tetapi ia telah sekaligus meletakkan Johor di tangga tertinggi dari segi FDI negara. (Dewan bertepuk).

Tidak cukup dengan itu, buat pertama kali dalam sejarah negeri Johor, Johor telah merekodkan KDNK 6.4% pertumbuhan yang telah melangkaui purata nasional dan menjadikan Johor negeri dengan pertumbuhan ekonomi yang tertinggi di Malaysia pada tahun yang lepas. Dalam sektor pertanian pula, Johor terus kekal di tangga teratas. Johor mencatat nilai hasil pertanian tertinggi di Malaysia dengan jumlah RM27.2 bilion.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga telah meneliti prestasi hasil negeri dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, dari tahun 2011 hingga 2021, hasil negeri Johor adalah dalam sekitar RM1.5 hingga RM1.7 bilion. Namun, bermula tahun 2022, hasil negeri mula menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan secara konsisten sebanyak RM200 juta hingga RM300 juta setahun. Pada tahun ini pula, kita berada dalam landasan untuk merekodkan unjuran hasil negeri sebanyak RM2.5 bilion rekod tertinggi dalam sejarah negeri. (Dewan bertepuk).

Pencapaian-pencapaian ini tidak berlaku secara kebetulan tetapi adalah hasil daripada perancangan rapi pengurusan kewangan negeri yang lebih terperinci dan juga hasil usaha gerak kerja kita sebagai satu pasukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sedar dan insaf setiap kali Dewan yang mulia ini bersidang, pasti akan ada soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat terutamanya mereka yang datang daripada luar bandar, luar daripada kawasan JS-SEZ, mereka akan bertanya apa yang kawasan kami dapat. Apa manfaat JS-SEZ pada daerah di luar Johor Bahru. Adakah hasil pembangunan JS-SEZ ini hanya tertumpu di selatan Johor sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, insya-Allah segala persoalan-persoalan itu, dan kerisauan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dijawab pada hari ini juga. Satu fakta yang tidak boleh kita nafikan, adalah bahawa peningkatan hasil negeri yang naik secara drastik ini adalah disebabkan oleh sumbangan melalui JS-SEZ. Dan seperti yang saya tekankan sebelum ini, kerajaan negeri akan berusaha untuk memastikan bahawa limpahan hasil ini akan sentiasa disalurkan kepada rakyat Bangsa Johor di setiap pelosok negeri. (Dewan bertepuk).

Dan kita telah mula melaksanakan pelbagai inisiatif seperti pengumuman yang telah saya war-warkan sebelum ini, sebagai contoh, bantuan kepada peneroka FELDA sebanyak RM4.6 juta melibatkan 14 inisiatif. Bantuan kepada Orang Asli berjumlah RM3.8 juta melalui 9 inisiatif. Bantuan kepada ibu-ibu tunggal sebanyak RM5 juta. Bantuan kepada pesakit-pesakit kanser melibatkan RM5 juta juga. Secara keseluruhan untuk 4 inisiatif ini sahaja, melibatkan peruntukan hampir RM20 juta yang akan memberi manfaat kepada lebih 200,000 Bangsa Johor. (Dewan bertepuk).

Negeri Johor jadi cerminan, unggul namanya bersulam madah, hasil negeri pacu pembangunan, limpahan manfaat di setiap daerah. JS-SEZ agenda ekonomi, meningkatkan hasil memacu negeri. Kehidupan rakyat terus diselami, perkukuh kebajikan negeri lestari.

Yang Berhormat Datuk Speaker, usaha untuk membantu dan membela Bangsa Johor tidak akan berhenti di situ sahaja. Pada hari ini, sukacita saya umumkan 25 lagi inisiatif tambahan bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

Yang pertama, ialah Program Infak Jumaat Johor. Program Infak Jumaat Johor. Menjunjung kasih Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor di atas ilham titah perkenan untuk melaksanakan Program Infak Jumaat Johor ini, yang bertujuan untuk menyediakan bantuan makanan kepada masyarakat setiap hari Jumaat. Sesungguhnya,

program ini menjadi lambang kasih sayang, keperihatinan dan kepedulian Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail terhadap kesejahteraan rakyat jelata. Matlamat untuk program ini adalah jelas. Ia adalah untuk menyediakan makanan kepada mereka yang memerlukan, namun, yang lebih penting daripada itu, program ini juga bertujuan membentuk jiwa Bangsa Johor agar tidak pernah lupa kepada tuntutan untuk berinfak dan juga untuk bersedekah.

Bayangkanlah, Ahli-Ahli Yang Berhormat setiap hari Jumaat, ribuan rakyat Johor akan berkumpul di masjid-masjid dan surau-surau bukan sahaja untuk menunaikan solat Jumaat tetapi juga untuk membawa sepinggan nasi, sebungkus makanan atau setulus sumbangan untuk dikongsi bersama mereka yang memerlukan.

**YB Speaker :** Ini semua masjid ke, Yang Amat Berhormat?

**YAB Menteri Besar :** Saya akan masuk ke situ, sikit lagi Yang Berhormat Speaker. Pelaksanaan program ini juga akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Masjid di seluruh negeri, dengan cara ini masjid bukan sahaja berperanan sebagai pusat ibadah tetapi juga menjadi pusat komuniti yang memberi khidmat dan manfaat kepada rakyat. Ia tidak terbatas kepada umat Islam sahaja. Jika ada dalam kalangan masyarakat bukan Islam, yang ingin turut sama merasai manfaat ini mereka juga amat dialu-alukan.

Dan menjawab soalan Yang Berhormat Speaker tadi, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM1.72 juta yang akan disalurkan kepada 132 masjid di seluruh negeri. Insya-Allah, program ini akan diperluaskan lagi tahun hadapan dengan sasaran yang lebih besar agar manfaatnya dapat dirasai oleh lebih ramai masyarakat.

Saya juga, Yang Berhormat Speaker, nak mengambil kesempatan ini untuk merayu dan menyeru kepada seluruh Bangsa Johor untuk turut sama menyumbang bagi mengimarahkan program ini. Sebagaimana dalam surah Al-Baqarah ayat ke 261. (Bacaan Ayat Al-Quran).

Yang bermaksud, perumpamaan bagi orang yang mendermakan hartanya di jalan Allah, seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh (7) tangkai. Pada setiap tangkai ada 100 biji. Allah berlipat gandakan bagi sesiapa yang dia hendaki dan Allah Maha Luas Lagi Maha Mengetahui. Ayat ini, Yang Berhormat Speaker, mengingatkan kita bahawa setiap sumbangan walau sekecil manapun akan digandakan menjadi ganjaran yang besar oleh Allah SWT. Oleh itu, sama-samalah kita berinfak, kita bersedekah, menyumbang untuk menjayakan Program Infak Jumaat Johor ini demi kebaikan masyarakat secara keseluruhan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, inisiatif;

2. Jualan Kasih Johor akan diperluaskan ke 252 lokasi lagi, yang bakal memberi manfaat kepada 1.3 juta rakyat Johor dan 2,500 usahawan dengan peruntukan berjumlah RM13.7 juta.
3. Agihan Bakul Makanan akan dilaksanakan di 56 DUN di seluruh negeri Johor melibatkan peruntukan sebanyak RM5.88 juta.
4. Inisiatif Bantuan Tunai *One Off* Mahasiswa Anak Johor kepada 88,882 mahasiswa sebanyak RM200.00 seorang dengan peruntukan RM17.78 juta.
5. Bantuan 2,000 *laptop* untuk mahasiswa dengan peruntukan RM5 juta.
6. Sumbangan *Stationery Kit*, kepada 42,689 pelajar SPM dengan peruntukan RM853,000.00.
7. Inisiatif Makanan Percuma Untuk Program Tuisyen SPM B40 melibatkan RM15,874 pelajar dengan peruntukan RM3.33 juta.

8. Bantuan Tunai *One-Off* Kepada Pelajar-Pelajar Tingkatan 6 dan Asasi kepada 10,455 pelajar sebanyak RM200.00 seorang dengan peruntukan RM2.2 juta.
9. Agihan Bantuan Bakul Kasih Deepavali 2025 kepada 48,300 keluarga India di seluruh Johor dengan peruntukan sebanyak RM4.9 juta.
10. Inisiatif Aktiviti Kemasyarakatan Kaum Cina dengan peruntukan sebanyak RM2 juta.
11. Bantuan Tunai *One-Off* Kepada Pemandu-pemandu *e-hailing* dan *p-hailing* kepada 39,540 penerima, RM200.00 seorang dengan peruntukan RM7.91 juta.
12. Bantuan Tunai *One-Off* Kepada Pemandu-pemandu Teksi yang melibatkan 2,870 orang, RM200.00 seorang dengan peruntukan RM574,000.00.
13. Bantuan Tunai *One-Off* Kepada Veteran ATM dan Veteran Polis yang melibatkan 24,711 orang sebanyak RM200.00 seorang dengan peruntukan sebanyak RM4.94 juta.
14. Bantuan Tunai Kepada Petani yang melibatkan 22,000 orang yang melibatkan peruntukan RM4.4 juta.
15. Bantuan Tunai *One-Off* Kepada Nelayan-nelayan melibatkan 6,629 orang dengan peruntukan RM1.32 juta.
16. Bantuan Tunai *One-Off* Penternak melibatkan 5,732 orang dengan peruntukan sebanyak RM1.14 juta.
17. Bantuan Tunai *One-Off* Kepada Warga Emas penerima bantuan JKM melibatkan 17,702 orang dengan peruntukan sebanyak RM3.54 juta.
18. Bantuan Tunai *One-Off* Kepada Anak-Anak Yatim sebanyak 915 orang melibatkan peruntukan sebanyak RM274,000.00.
19. Bantuan kepada 34 pusat jagaan anak yatim dengan bantuan peruntukan RM725,000.00.
20. Bantuan Tunai *One-Off* Kepada PDK OKU, 2,631 penerima melibatkan RM789,000.00.
21. Bantuan kepada peserta PPR dan juga RSK yang melibatkan hampir 15,000 penerima dengan peruntukan sebanyak RM3 juta.
22. Bantuan Tunai *One-Off* Kepada Pekerja Am Pembersihan Awam dan Sisa Pepejal SWM melibatkan 2,260 penerima Bangsa Johor dengan peruntukan sebanyak RM452,000.00.
23. Program Jenguk Jiran dengan peruntukan sebanyak RM112,000.00.
24. Inisiatif Skim Peralatan Perniagaan melibatkan RM525,000.00; dan
25. Inisiatif Penyediaan Khemah Untuk Usahawan Mikro tambahan sebanyak 2,000 unit khemah dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Yang Berhormat Speaker, rasanya cukup ke saya umum?

**YB Speaker :** Hmm, sejujurnya lebih daripada mencukupi Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar :** Alhamdulillah.

**YB Speaker :** Sebabnya, saya perhatikan cukup menyeluruh *touch point* ini dan sampai kepada semua lapisan masyarakat (Dewan bertepuk). Tahniah Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas galakan dan juga motivasi itu, namun ada berita baik lagi. Tadi kita sentuh tentang kos sara hidup, kita akan juga tambah 17 lagi inisiatif untuk peningkatan infrastruktur, pemerkasaan ekonomi serta kesejahteraan sosial demi manfaat seluruh Bangsa Johor.

1. Inisiatif untuk menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh ADUN-ADUN dalam Mesyuarat Tindakan DUN. Hari ini sukacita saya umumkan peruntukan berjumlah RM12.61 juta bagi menyelesaikan 158 isu (Dewan bertepuk) untuk seluruh negeri Johor.
2. Inisiatif memasang mercu tanda mempromosikan Tahun Melawat Johor 2026 dengan peruntukan RM1.26 juta.
3. Projek Kecil Khas 6 PBT dengan peruntukan sebanyak RM1.19 juta.
4. Inisiatif Pembaikan Papan Tanda dan Tiang Gantri di Bandaraya Johor Bahru yang melibatkan peruntukan berjumlah RM800,000.00.
5. Inisiatif Baik Pulih Tembok Kompleks Pekan Rabu, Kluang dengan peruntukan sebanyak RM439,000.00.
6. Inisiatif Naik Taraf 17 Hentian Bas Johor Bahru dengan peruntukan sebanyak RM400,000.00.
7. Inisiatif Sokongan Pemindahan Perkhidmatan Klinik Ibu dan Anak HSI dan Pusat Pembekalan Ubat Susulan Setempat (PPUSS) dengan peruntukan sebanyak RM3.46 juta.
8. Seterusnya, Inisiatif Pembangunan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Gelang Patah dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.
9. Inisiatif Peralatan Tambahan Hospital Sultan Ismail dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.
10. Bantuan 104 katil untuk Hospital Pasir Gudang dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00.
11. Inisiatif Peralatan Tambahan Poliklinik Hospital Sultanah Aminah dengan peruntukan sebanyak RM100,000.00.
12. Sokongan Sukarelawan *Southern Volunteers* di Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan juga Hospital Pasir Gudang dengan peruntukan sebanyak RM2.02 juta.
13. Seterusnya, Program Inisiatif, Program Kenegaraan YPM Tingkatan 6 melibatkan 3,000 pelajar dengan peruntukan sebanyak RM1.8 juta.
14. Inisiatif Penganjuran Johor *Business Summit* 2025 dengan peruntukan sebanyak RM1.54 juta.
15. Seterusnya, Program Jelajah Mahasiswa Johor dengan jumlah RM715,000.00.

16. Program Penyelenggaraan Sistem PADU PUJB dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00; dan
17. Saat yang dinanti-nantikan, Inisiatif Pengurusan DUN dan juga bantuan untuk menghadapi Monsun Timur Laut kepada 56 DUN sebanyak RM100,000.00 setiap satu DUN dengan peruntukan berjumlah RM5.6 juta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, secara keseluruhannya inisiatif-inisiatif ini melibatkan 1.9 juta penerima manfaat dengan nilai peruntukan berjumlah lebih daripada RM209 juta. Ia jelas membuktikan bahawa setiap ringgit hasil negeri yang bertambah, tidak hanya diangkat sebagai pencapaian dalam bentuk angka semata-mata, tetapi apa yang lebih penting dan bermakna adalah hakikat bahawa ia akan disalurkan dan dikembalikan terus kepada rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya juga untuk mengingatkan diri saya dan semua yang berada di dalam Dewan yang mulia ini, untuk sentiasa bersyukur dengan nikmat dan limpahan rahmat rezeki yang dicurahkan oleh Allah SWT terutamanya dalam keadaan geo politik yang tidak menentu, peperangan yang berlaku di Timur Tengah, namun syukur alhamdulillah ekonomi Johor terus berkembang dan hasil negeri terus meningkat. Kita perlu mengambil iktibar daripada firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim ayat yang ke-7 yang berbunyi, (bacaan al-Quran), yang bermaksud dan ingatlah ketika Tuhanmu memperingatkan sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya aku akan menambah nikmat kepadamu, tetapi jika kamu mengingkari nikmatku nescaya azab aku sangat pedih. Saya yakin, apabila kita semua benar-benar bersyukur, insya-Allah rezeki Johor akan terus melimpah, rahmat Allah SWT akan terus mencurahkan dan Bangsa Johor akan terus makmur dan sejahtera.

Mengakhiri jawapan saya ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan, kepada rakan-rakan Yang Berhormat EXCO, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai Daerah, Datuk-Datuk Bandar, YDP-YDP, Ketua-Ketua Jabatan, penjawat awam, GLC-GLC, Ahli-Ahli Majlis, Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung JPKK, AJK Masjid dan surau, pemimpin-pemimpin masyarakat, orang-orang muda di luar sana dan semua yang telah sentiasa berdiri teguh menyokong segala inisiatif kerajaan negeri Johor. Terus dan perkukuhkanlah kebersatuan ini agar kita semua dapat terus menjadi pepohon yang rimbun, tempat rakyat menumpang teduh dan kasih kerana tanpa sokongan padu, jitu dan tidak berbelah bagi semua pihak mustahil semua perancangan ini dapat dijayakan.

Buluh sebatang mudah dipatah, bersatu sepeohon sukar digoncang. Justeru, marilah kita terus rapatkan saf dan gerak sebagai satu pasukan untuk menjayakan Agenda Maju Johor 2030. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker :** Tahniah, tahniah Yang Amat Berhormat kerana saya perhatikan terdapat juga perkara-perkara baru contohnya konsep berkongsi rezeki di bawah Program Infak Jumaat Johor dan ia pula terbuka kepada semua kaum ya. Mudah-mudahan Johor terus diberkati. Ok, soalan tambahan. Jemput, Iskandar Puteri.

**YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas bantuan dan 25 inisiatif tambahan diumumkan sebentar tadi ditambah lagi dengan 17 inisiatif bagi infra dan kesejahteraan rakyat Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, namun begitu adakah kerajaan negeri mempunyai strategi khusus untuk daerah JB iaitu Johor Bahru yang termasuk dalam zon JS-SEZ ini, yang mana semakin terhimpit dan juga kos sara hidup semakin meningkat. Khususnya, Yang Amat

Berhormat Dato' Menteri Besar, masih ada lagi kampung-kampung yang banyak wujud lagi di dalam kawasan daerah Johor Bahru. Sekian, terima kasih.

**YAB Menteri Besar :** Terima kasih Yang Berhormat Kota Iskandar atas soalan tambahan itu. Seperti yang saya umumkan tadi, ada 42 inisiatif yang kita bantu untuk seluruh negeri Johor termasuk penduduk di kawasan JS-SEZ dan daerah Johor Bahru. Itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, adalah bagi saya inisiatif dan juga usaha-usaha pelan jangka masa pendek. Dan, saya berhasrat Datuk Pandak, maaf Yang Berhormat Kota Iskandar supaya inisiatif-inisiatif itu dapat disalurkan segera selewat-lewatnya pada bulan Oktober tahun ini. Kerana, ada lagi inisiatif-inisiatif pelan jangka masa pendek yang kita akan umumkan pada bulan 11 ini untuk rakyat dan juga Bangsa Johor. Jadi, itu pelan jangka masa pendek. Kita tak nak tertunggu-tunggu Yang Berhormat Datuk Speaker. Apa hasil kita bertambah ini, Alhamdulillah berkat kerjasama Dato' SS, Dato' PKN, Dato' LA dan semua EXCO kerajaan negeri, kita bertungkus-lumus untuk menyalurkan bantuan itu pada kadar yang segera. Namun begitu saya tahu Datuk Pandak, maaf sekali lagi. Saya tahu Yang Berhormat Kota Iskandar, itu tidak mencukupi kerana kita kena ada pelan jangka masa sederhana dan juga jangka masa panjang. Sebagai contoh, ada lagi untuk jangka masa pendek eh Datuk Pandak. Datuk Pandak lagi. Boleh, saya mohon maaf Datuk Speaker. Dah terbiasa panggil dia Datuk Pandak sebab tiap-tiap hari dia *whatsapp* saya. Dia tunjuk apa yang dia buat dalam dia punya *Whatsapp*. So, dah terbiasa cakap tahniah Datuk Pandak.

Kita juga mengkaji apa negeri-negeri lain buat, apa negara-negara buat untuk membantu masyarakat, untuk membantu rakyat di negeri dan juga negara yang lain. Sebagai contoh, baru-baru ini saya dan rakan-rakan EXCO pergi ke Singapura. Kita tengok macam mana mereka menggunakan sistem *Cash Voucher* yang sangat efisien dan mengurangkan ketirisan. Kita lihat macam mana mereka membantu masyarakat melalui medan-medan selera. Ini antara perkara-perkara yang sedang difikirkan oleh Jawatankuasa Kos Sara Hidup untuk membantu masyarakat dalam fasa jangka masa pendek. Untuk jangka masa sederhana dan juga jangka masa panjang Yang Berhormat Speaker. Inisiatif-inisiatif lain yang sedang dirangka secara terperinci dan sudah kita mulakan perlaksanaannya ialah sebagai contoh Agenda Perumahan. Agenda Perumahan Rumah Mampu Milik ini YB Kota Iskandar, adalah satu agenda yang telah kita mula laksanakan daripada awal lagi dan insya-Allah kita dalam landasan untuk membina 100,000 unit Rumah Mampu Milik. Agenda yang melibatkan jangka masa sederhana dan juga panjang, kita juga sedang melihat tentang *public transportation*, macam mana bas-bas kita, macam mana kita nak bina *elevated ART*, mana YB Fazli? Untuk memastikan bahawa penggunaan *public transportation* ini dapat kita manfaatkan rakyat secara keseluruhan. Dan, yang paling penting untuk kita menangani isu kos sara hidup, YB Kota Iskandar, ialah untuk meningkatkan pendapatan rakyat dan juga Bangsa Johor secara keseluruhan. Kita dah mula melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menaikkan gaji premium untuk bangsa Johor terutamanya dalam konteks JS-SEZ ini.

Namun begitu, untuk memastikan usaha menaikkan pendapatan untuk rakyat dapat dijayakan dengan baik, kita kena meningkatkan mutu pendidikan. Kita kena menaikkan *skill set*. *Skill set* dalam bahasa melayu, kita punya kemahiran. Anak-anak muda supaya kemahiran mereka, ilmu mereka setimpal dengan gaji yang tinggi. Sebab itu Yang Berhormat Speaker, kita telah wujudkan JTDC, Johor Talent Development Council untuk melihat secara mikro apa yang diperlukan oleh pelabur-pelabur bila mereka datang ke negeri Johor. Apa yang diperlukan daripada pelabur-pelabur ini kena setimpal dengan gaji yang kita minta. Kita semua sedia maklum kerajaan negeri mendesak pelabur-pelabur yang masuk ke negeri Johor untuk memberikan gaji premium kepada pemegang-pemegang ijazah sebanyak RM4,000.00. Namun begitu kita juga kena pastikan bahawa kemahiran mereka adalah setimpal dengan apa yang diminta oleh pihak pelabur, kilang-kilang dan juga syarikat-syarikat. Jadi, pendidikan, *reskilling* dan juga *upskilling* sedang kita laksanakan untuk menaikkan tahap pendidikan dan juga kemahiran anak-anak muda di negeri Johor dan khususnya untuk kawasan JS-SEZ ini. Insya-Allah saya harap itu menjawab soalan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker** : Terima kasih Yang Amat Berhormat. Dijemput Yang Berhormat Pemanis.

**YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Pemanis sekali lagi nombor 5.

Apakah perancangan dan persediaan kerajaan bagi menghadapi situasi gempa bumi seperti yang pernah berlaku di daerah Segamat baru-baru ini?

**YB Speaker** : Dijemput Yang Berhormat Tiram.

**YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Tiram nombor 6.

Apakah perancangan dan pelan intervensi kerajaan negeri ekoran kejadian gempa bumi yang dilaporkan berlaku di Daerah Segamat baru-baru ini sebagai persiapan sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini pada masa akan datang?

**YB Speaker**: Dijemput Yang Berhormat Sungai Balang.

**YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 7.

Johor telah mengalami gempa bumi lemah di Segamat akibat pergerakan sesar mendatar sinistral kerak bumi. Apakah persediaan jangka panjang kerajaan bagi menyediakan satu pelan tindakan khusus menangani kesan bencana gempa bumi sekiranya ia berlaku dalam skala kuat dan menyebabkan kemusnahan?

**YB Speaker** : Dijemput Yang Berhormat Skudai.

**YB Puan Marina binti Ibrahim (Skudai)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 8.

Susulan kejadian gempa bumi di negeri Johor, apakah kerajaan negeri mempunyai perancangan membuat kajian berkenaan kebarangkalian dan kemungkinan lebih buruk pada masa akan datang? Ini untuk meyakinkan pelabur bahawa negeri Johor selamat untuk menjadi lokasi pelaburan mereka.

**YB Speaker** : Dijemput Yang Berhormat Simpang Jeram.

**YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman (Simpang Jeram)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Simpang Jeram nombor 9.

Malaysia berada di dalam 'Lingkar Api Pasifik' yang mendedahkan kepada risiko gempa sebagaimana berlaku di Segamat, pada Ahad, 24 Ogos yang lalu. Apakah kesiapsiagaan negeri dalam menjaga keselamatan rakyat dan lain-lainnya jika fenomena ini berlaku?

**YB Speaker** : Dijemput Yang Berhormat Johor Jaya.

**YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 10.

Memandangkan Johor telah mengalami gempa bumi di Segamat baru-baru ini, apakah rancangan atau persiapan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri sekiranya gempa bumi berlaku?

**YB Speaker** : Dijemput Yang Berhormat Bukit Batu.

**YB Tuan Chiong Sen Sern (Bukit Batu)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 11.

Boleh kerajaan negeri memberi penjelasan mengenai tahap risiko gempa bumi di Johor, termasuk lokasi garis sasar yang dikenal pasti, dan apakah perancangan masa depan bagi memperkukuhkan tahap keselamatan pusat data serta infrastruktur kritikal lain sekiranya berlaku gegaran bumi?

**YB Speaker** : Dijemput Yang Berhormat Jementah.

**YB Puan Ng Kor Sim (Jementah)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 12.

Dua kali gempa bumi lemah telah berlaku di Segamat dan nasib baiknya tiada laporan kecederaan. Apakah langkah kerajaan negeri mengambil bagi mengelakkan kecederaan berlaku di masa depan? Apakah inisiatif yang kerajaan negeri bagi membantu mereka yang mengalami kerugian?

**YB Speaker** : Sila Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya menjawab soalan-soalan itu bersekali. Terima kasih Yang Berhormat Pemanis, Tiram, Sungai Balang, Skudai, Simpang Jeram, Johor Jaya, Jementah dan Bukit Batu atas soalan-soalan berkenaan insiden gempa bumi yang berlaku di Johor baru-baru ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita semua dikejutkan dengan beberapa siri gempa bumi lemah yang berlaku di kawasan Segamat dan juga Batu Pahat baru-baru ini. Bermula pada 24 Ogos 2025, masa tu Yang Berhormat Speaker, Dato' SS dan juga barisan EXCO baru habis Program Semarak Subuh di Mersing. Dikejutkan dengan berita bahawa Segamat berlakunya gempa bumi dan mengikut laporan yang kita terima magnitudnya pada masa itu ialah pada angka 4.1 kemudian disusuli dengan 7 gegaran susulan antara 27 Ogos hingga 3 September dengan magnitud antara 2.5 sehingga 3.4. Walaupun gegaran itu kecil, saya faham akan kerisauan penduduk di situ apabila bumi yang dipijak tiba-tiba bergetar. Situasi ini memberi isyarat bahawa Johor walau pun bukan negeri yang berisiko tinggi tetapi berhadapan dengan cabaran geologi yang wajar di urus dengan strategik dan bersepadu. Jadi rasa bimbang ini lah kita perlu tumpu pula kepada persoalan yang lebih penting iaitu sejauh mana kita bersedia menghadapi gempa bumi seperti yang disoalkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berdasarkan laporan JPBD Segamat, setakat ini sebanyak 62 rumah, 2 surau dan 9 premis kerajaan dilaporkan mengalami kerosakan. Syukur alhamdulillah, penilaian teknikal oleh JKR dan PBT mengesahkan semua bangunan ini masih lagi selamat untuk digunakan. Selain itu, fasiliti-fasiliti penting bilik KTMB, PETRONAS, TNB, Ranhill SAJ dan BAKAJ turut diperiksa. Hasil pemeriksaan mendapati semua sistem dan kemudahan asas ini berada dalam keadaan baik dan berfungsi seperti biasa. Namun, kerajaan negeri sedar beban paling berat tetap ditanggung oleh keluarga-keluarga yang rumahnya terjejas. Atas sebab itu, kerajaan negeri dengan sokongan kerajaan persekutuan melalui NADMA bersetuju untuk menyalurkan bantuan kepada 62 ketua isi rumah yang terkesan akibat gempa bumi baru-baru ini. Dengan kadar maksimum RM3,000.00 bagi setiap keluarga. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, ingin juga saya melaporkan sejurus gempa pertama berlaku, pada 24 Ogos, Pegawai Daerah Segamat menggerakkan semua agensi, Penghulu dan Ketua Kampung untuk membuat penilaian segera. Pada hari yang sama juga Mesyuarat Khas

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah diadakan. Dalam mesyuarat ini mereka telah menilaikan kerosakan yang dihadapi seperti yang saya sebutkan tadi. Beberapa siri mesyuarat susulan turut diadakan antaranya Mesyuarat *Taskforce* Gegaran pada 27 Ogos yang dipengerusikan sendiri oleh Dato' Asman Shah, Setiausaha Kerajaan Negeri serta perwujudan Prosedur Tetap Operasi, PTO, Pengurusan Gempa Bumi pada 2 September. Satu garis panduan rasmi untuk semua agensi. Jadi, ini inisiatif yang baru. Program *Community Base Disaster Risk Management*, CBDRM juga dianjurkan pada 3 September melibatkan masyarakat setempat. Manakala pada 4 September mesyuarat khas bersama YB EXCO Pendidikan bagi memastikan semua institusi pendidikan ada SOP bencana dan murid diberi pendedahan melalui simulasi keselamatan. Pada 8 September pula, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Perubahan Iklim Dan Bencana yang melibatkan wakil dari Ahli-Ahli Yang Berhormat telah diadakan dan merumuskan beberapa langkah penting termasuk SOP baharu. Penambahan sistem amaran, penambahan sistem seismik dan kempen kesedaran berkala.

Yang Berhormat Datuk Speaker, justeru Kerajaan Negeri Johor melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah juga telah melaksanakan intervensi secara berfasa yang merangkumi langkah jangka pendek sederhana dan juga panjang. Bagi jangka masa pendek, tumpuan diberikan kepada beberapa gerak kerja.

1. Mengaktifkan bilik gerakan bencana yang beroperasi 24 jam.
2. Hebahan kesedaran melalui media rasmi kerajaan bagi memberi panduan keselamatan dan juga mengelakan panik.
3. Seperti yang saya kongsi tadi, membangunkan prosedur tetap operasi, SOP Gempa Bumi.
4. Pelaksanaan *Programme Community Base Disaster Risk Management*.

Untuk jangka masa sederhana pula,

1. Kita akan melaksanakan pengukuhan sistem pemantauan dan analisis saintifik oleh NADMA, METMalaysia dan JMG terhadap kawasan berisiko gempa.
2. JMG Johor akan menjalankan siasatan tanah dan bangunan sedia ada di kawasan gempa bumi untuk menentukan tahap risiko yang lebih tepat.
3. Kita akan menaik taraf 6 stesen seismologi sedia ada di negeri Johor.
4. Membina 2 stesen tambahan *weak motion* untuk pengesanan awal gegaran.

Pada kesempatan ini Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang telah meluluskan peruntukan RM3 juta baharu-baharu ini untuk tujuan tersebut.

Bagi usaha kesiapsiagaan jangka masa panjang, kerajaan pertamanya akan buat kajian berterusan mengenai garisan sesar dan impak gempa oleh JMG, MET Malaysia dan universiti awam.

Kedua, pembangunan baharu perlu mengambil kira piawaian *Malaysia National Annex* dan *Eurocode 8* untuk struktur bangunan tahan gempa.

Ketiga, melaksanakan penilaian kerentanan *boundrality assessment* terhadap infrastruktur kritikal sedia ada seperti hospital, empangan, pusat data dan kemudahan strategik.

Keempat, membangun garis panduan khusus untuk keselamatan bangunan dan infrastruktur strategik di kawasan berisiko dan,

Kelima, adalah untuk mengemaskini pemetaan risiko-risiko seismik secara berterusan dengan cerapan pergerakan sesar dan integrasi teknologi moden termasuk AI.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menginsafi sesungguhnya insiden-insiden gempa bumi yang berlaku ini walau pun hanya pada berskala yang kecil ia adalah satu peringatan yang tidak boleh dipandang ringan. Ia mengingatkan kita bahawa tiada seorang pun, tiada satu negeri pun yang terkecuali daripada kekuasaan Allah SWT. Justeru, biarlah perkara ini menjadi iktibar kepada semua bahawa kita perlu terus berusaha untuk membuat perancangan rapi dan meningkatkan penggunaan teknologi yang canggih. Namun, pada akhirnya kuasa tertinggi tetap berada di sisi Allah SWT. Sebagaimana firman dalam surah Ar Ruum ayat yang ke-41, yang bermaksud telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana yang berlaku di daratan dan di lautan dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan manusia sendiri. Kerana Allah hendak merasakan kepada mereka sebahagian daripada balasan perbuatan mereka, supaya mereka kembali bertaubat.

Ayat ini Yang Berhormat Datuk Speaker, memberikan peringatan yang cukup jelas bahawa kerosakan di bumi bukan lah berlaku tanpa sebab, ia adalah cerminan daripada sikap manusia sendiri yang kadang kala alpa serta lalai terhadap amanah memakmurkan bumi. Oleh itu, sebagai hamba dan juga khalifah di atas muka bumi ini marilah kita sama-sama melihat kejadian ini bukan lah sekadar fenomena alam semata-mata, sebaliknya sebagai teguran penuh kasih sayang daripada Allah SWT. Ia menyeru kepada kita semua untuk segera kembali kepada fitrah memperbanyakkan istigfar, bertaubat, berdoa, berzikir dan melaksanakan amal yang soleh. Insya-Allah semoga kita semua terus bertaubat dan juga berdoa memohon keampunan agar Johor ini sentiasa berada dalam keadaan aman, makmur, selamat dan sejahtera, insya-Allah. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker:** Benar Yang Berhormat, saya ada pengalaman bila berlaku gempa di Nias di hujung Sumatra, saya ketika itu sedang tidur, di sebuah hotel di Medan tingkat 9, 7.7 skala *richter* saya tergolek jatuh daripada katil. Tetapi saya seorang lah masa tu, tak ada orang lain dekat sebelah. Maksudnya kuatnya gempa 7.7, jadi sebab itu peringatan Yang Amat Berhormat itu cukup penting supaya kita sentiasa bersyukur, sentiasa bertaubat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, tidak ada soalan tambahan jika sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

#### **Jurutulis: SOALAN-SOALAN BERTULIS.**

Jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas Meja Mesyuarat.

#### **RUNDINGAN MENGENAI PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA.**

**YB Speaker:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, pemilihan Ahli Dewan Negara ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 1(2), Jadual Ketujuh, Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan, berikutan kekosongan satu kerusi Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Negeri Johor.

Oleh yang demikian, cadangan itu hendaklah disokong dan disertakan dengan kenyataan bertulis yang ditandatangani oleh calon berkenaan, yang menyatakan kesanggupannya untuk berkhidmat jika sekiranya dipilih. Cadangan itu tidak perlu dibahas. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sila kemukakan cadangan sekarang.

**YAB Menteri Besar:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya mohon membawa rundingan dan mencadangkan supaya Yang Berbahagia Dato' Ng Keng Heng dipilih oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh tiga tahun sebagaimana menurut Jadual Ketujuh, Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berbahagia Dato' Ng Keng Heng berumur 57 tahun, merupakan seorang tokoh berwibawa yang memiliki latar belakang pendidikan dan pengalaman luas dalam bidang politik, organisasi dan masyarakat. Beliau, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Pengurusan Sumber Manusia dari Open Universiti Malaysia pada tahun 2009 serta Ijazah Sarjana dalam bidang Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar daripada UTM yang diperolehi pada tahun 2024.

Dalam bidang politik, Dato' Ng Keng Heng mula bergiat aktif sejak tahun 1996 menerusi Pergerakan Pemuda MCA Cawangan Kota Kecil Barat, dan kemudiannya dilantik sebagai Naib Ketua Pemuda MCA Bahagian Kota Tinggi bermula tahun 1996. Pada tahun 2005, beliau diberi kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai Pengerusi MCA Bahagian Kota Tinggi sebelum dilantik sebagai Setiausaha Jawatankuasa Perhubungan MCA Negeri Johor sehingga tahun 2018.

Beliau juga telah berkhidmat sebagai Ahli Majlis Daerah Kota Tinggi mulai tahun 2001 hingga tahun 2018, memainkan peranan penting dalam pembangunan pentadbiran tempatan dan kesejahteraan masyarakat setempat. Selain penglibatan dalam politik, Dato' Ng Keng Heng juga sangat aktif dalam pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Antara jawatan yang disandang termasuk Pengerusi Persatuan Alat-Alat Ganti Kenderaan Terpakai Negeri Johor, Penasihat Kehormat Pengerusi Keturunan Huang Johor Bahru, Presiden Kehormat Presiden Dewan Perniagaan Tiong Hua, Pengerusi Kehormat Persatuan Che Teng Khor, Persatuan Hokkien dan Persatuan Kuan Ti, Kota Tinggi.

Kepimpinan beliau yang seimbang antara politik, masyarakat dan perniagaan menjadikan beliau seorang tokoh yang amat dihormati oleh masyarakat Johor. Sumbangan beliau jelas mencerminkan dedikasi tinggi terhadap pembangunan komuniti dan kemajuan negeri Johor secara keseluruhannya. Dan dengan ini saya serahkan pengakuan bertulis yang telah ditandatangani oleh calon yang saya cadangkan itu. Yang Berhormat, sorry... terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini telah menerima rundingan tersebut dan telah pun disokong.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Dengan demikian, saya isytiharkan bahawa Yang Berbahagia Dato' Ng Keng Heng adalah dipilih oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh selama tiga tahun. Saya bagi pihak Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' Ng Keng Heng. Semoga beliau dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada Dewan Rakyat dan Negeri sebagai Ahli Dewan Negara.

**Jurutulis : PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN KEDUA TAHUN 2025.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbang Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2025 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2025 dan

memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Tambahan Peruntukan ini merupakan tambahan kedua bagi Peranggaran Pembangunan Tahun 2025. Tambahan Peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM175,745,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua di bawah dua Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan Negeri Johor, RM135,745,000.00.
2. Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor, RM40,000,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**YB Pengerusi :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

**Dewan Negeri bersidang sebagai Jawatankuasa.**

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM118,817,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.70, Pejabat Menteri Besar Johor itu; dan RM16,928,000.00, bagi Kepala Perbelanjaan P.72, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor itu; dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah maksud Pembangunan P.70, Pejabat Menteri Besar Johor, peruntukan tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM118,817,000.00. Berdasarkan peningkatan hasil semasa dan demi kepentingan kesejahteraan rakyat, sejumlah RM19,205,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran projek-projek di bawah Pembangunan Fizikal. Sebanyak RM86,132,000.00 untuk pembayaran bagi projek-projek di bawah Pembangunan Sosial dan sebanyak RM13,480,000.00 untuk menampung pembayaran projek-projek di bawah Pembangunan Kerja-Kerja Kecil.

Di bawah Maksud Pembangunan P.72, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), peruntukan tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM16,928,000.00, bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan, Baikpulih dan Naiktaraf Bangunan-bangunan Kerajaan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri, Kota Iskandar.

**YB Pengerusi :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM40,000,000.00 Bagi Kepala Perbelanjaan P.74, Jabatan Kerja Raya Johor itu; dipersetujukan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi:** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan P.74, Jabatan Kerja Raya, peruntukan tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM40,000,000.00 untuk menampung kekurangan peruntukan bagi kerja-kerja membaikpulih dan menaiktaraf bangunan-bangunan Kerajaan Negeri berikutan terdapat perubahan kos projek dan tambahan projek-projek baru.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2025 itu telah pun selesai dipertimbangkan, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

#### **Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**YAB Menteri Besar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan, bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2025. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu iaitu, Peruntukan wang berjumlah RM175,745,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2025 itu diluluskan oleh Dewan ini. Dan dengan itu mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang yang tidak melebihi RM175,745,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam Tahun Kewangan 2025 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Sepaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

#### **Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN TAHUN 2025.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2025 dibacakan kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Sepaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis: Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2025 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga, dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua. Tambahan Peruntukan ini merupakan tambahan bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2025. Tambahan Peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM33,202,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2025 di bawah Lapan (8) Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan Negeri Johor - RM11,076,000.00.
2. Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor - RM532,000.00.
3. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor - RM1,507,000.00.
4. Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya Negeri Johor - RM426,000.00.
5. Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor - RM4,536,000.00.
6. Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor - RM9,786,000.00.
7. Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Johor - RM935,000.00.
8. Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor - RM4,404,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis:** Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2025 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

**YB Speaker :** Dewan Negeri Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

**Jurutulis :** JADUAL.

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM10,883,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar :** Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM10,883,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi tuntutan elaun lebih masa dan perjalanan kakitangan, bayaran perhubungan dan utiliti. Tambahan peruntukan juga diperlukan bagi menampung perkhidmatan iktisas dan

perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti serta pembelian kenderaan jabatan. Pecahan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut:

|                                          |                  |
|------------------------------------------|------------------|
| Pelbagai Perkhidmatan                    | - RM5,115,000.00 |
| Menteri Besar Johor                      | - RM1,900,000.00 |
| Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor  | - RM190,000.00   |
| Dewan Negeri Johor                       | - RM1,535,000.00 |
| Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ)       | - RM2,100,000.00 |
| Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor | - RM43,000.00.   |

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM1,507,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Kerajaan Tempatan), peruntukan tambahan sebanyak RM1,507,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi tuntutan elaun lebih masa kakitangan, bayaran kos perkhidmatan dan pengurusan Zoo Johor serta menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran tuntutan Caruman Bantu Kadar atau Cukai Harta untuk tahun 2024 daripada Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM4,536,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi:** Di bawah Maksud Bekalan B.03 - Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM4,536,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran tuntutan perjalanan pegawai dan kakitangan jabatan, pembayaran penyelenggaraan dan baikpulih bangunan dan kenderaan jabatan, kekurangan peruntukan bagi pembayaran kursus, bengkel dan kos lawatan keluar negara serta menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Program Atlet Sukan Berpengaruh Negeri Johor bagi tahun 2025/2026 yang bertujuan untuk memperkasakan penglibatan atlet berprofil tinggi dalam pembangunan sukan mengikut aktiviti seperti berikut:

|                              |                   |
|------------------------------|-------------------|
| Rakan Muda dan Sukan         | - RM4,200,000.00, |
| Sukan, Belia dan Sukarelawan | - RM336,000.00.   |

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM935,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia :** Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM935,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan

peruntukan bagi pembayaran bil utiliti, pembayaran pelbagai sewaan jabatan dan perkhidmatan pembersihan pejabat. Tambahan peruntukan juga diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran yuran pengajian serta keperluan lain kepada Pegawai Tadbir yang layak mengikuti Pengajian Profesional. Pecahan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut:

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia - RM443,000.00

Invest Johor - RM492,000.00.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM404,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi:**

Di bawah Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan tambahan sebanyak RM404,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran bekalan minyak diesel bagi pam-pam air akibat dari banjir termenung. Tambahan peruntukan juga diperlukan bagi menampung pembayaran pelbagai perkhidmatan di jabatan kesan daripada kenaikan gaji minimum sektor swasta serta menampung pembayaran tuntutan pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM532,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:**

Di bawah Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, peruntukan tambahan sebanyak RM532,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran penyelenggaraan dan baikpulih bangunan di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Segamat dan Daerah Tangkak serta pembayaran Gantian Cuti Rehat kepada waris kakitangan yang meninggal dunia dan bayaran tuntutan Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM9,706,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.21, Jabatan Agama Islam itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam :** Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, Di bawah Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam, peruntukan tambahan sebanyak RM9,706,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran tuntutan elaun lebih masa dan perjalanan kakitangan jabatan, bayaran perhubungan dan utiliti, sewaan mesin fotostat, siaraya dan dewan bagi Majlis Khatam Al-Quran.

Tambahan peruntukan juga diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran minyak kenderaan jabatan, pembayaran perolehan Al-Quran dan rehal untuk Majlis

Khatam Al-Quran Tadika Agama Johor, pembayaran penyelenggaraan kenderaan, bangunan jabatan dan sekolah.

Tambahan peruntukan juga bagi menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Johor, Majlis Yassin dan Tahlil, Seminar Halal Johor, perkhidmatan kebersihan dan keselamatan Pejabat Kadi Kulai, serta pembayaran bekalan makanan bermasak berikutan kenaikan harga tender makanan.

Tambahan peruntukan juga adalah bagi menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran kenaikan *allowence* Pegawai Masjid dan Surau sebagaimana kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 117/2025 bertarikh 28 Januari 2025 dan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2024 serta Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2025 kepada Guru-Guru KAFA. Pecahan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut:

Pentadbiran Am - RM1,867,000.00

Pendidikan Agama Islam - RM7,839,000.00.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM4,000,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.24, Jabatan Kerja Raya itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan komunikasi**: Di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya, peruntukan tambahan sebanyak RM4 juta diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran sewaan khemah untuk majlis-majlis rasmi kerajaan.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM426,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya** : Di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM426,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran bil-bil utiliti jabatan.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM24,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah itu; RM56,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.33, Jabatan Pendakwaan Syariah itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam** : Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Maksud Bekalan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah, peruntukan tambahan sebanyak RM24,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Gantian Cuti Rehat kepada waris kakitangan yang meninggal dunia.

Di bawah Maksud Bekalan B.33, Jabatan Pendakwaan Syariah, peruntukan tambahan sebanyak RM56,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi

pembayaran Gantian Cuti Rehat kepada kakitangan yang bersara wajib dan kakitangan yang memohon kemudahan Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM67,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat itu; RM50,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.48, Pejabat Daerah Mersing itu; RM76,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.61, Pejabat Tanah Tangkak itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar** : Di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat, peruntukan tambahan sebanyak RM67,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran tuntutan elaun lebih masa dan tuntutan perjalanan kakitangan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing dan peruntukan tambahan sebanyak RM50,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran kos penyertaan Pegawai Daerah untuk lawatan rasmi ke luar negara.

Di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Tangkak, peruntukan tambahan sebanyak RM76,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran tuntutan elaun lebih masa kakitangan jabatan serta bayaran Ganti Cuti Rehat kepada kakitangan yang bersara wajib dan kakitangan yang memohon kemudahan Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Jurutulis : Fasal 2.**

**YB Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Jurutulis : Fasal 1.**

**YB Pengerusi**: Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2025 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah Diperundang-Undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2025.**

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Alhamdulillah, selesai sudah persidangan kali ini. Terima kasih diucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Dewan Negeri dan juga kepada Ketua-ketua Jabatan.

Dewan ini sekali lagi ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri yang memberikan segala kerjasama dan kemudahan kepada kita pada hari ini. Terima kasih juga kepada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas 41 inisiatif tadi yang merupakan satu hadiah yang cukup besar kepada rakyat negeri Johor.

Tahniah kerana hasil negeri dijangka sampai kepada RM25 bilion dan dipulangkan balik kepada rakyat dan mudah-mudahan negeri Johor terus maju ke depan menjadi negeri yang bersaing dan terus makmur untuk rakyat semua.

Dewan ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Malaysia dan mudah-mudahan kita menjadi bangsa yang kuat, bangsa yang bersatu padu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli Dewan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan dijemput beredat ke Dewan Biduri di Aras 2 bangunan ini untuk jamuan makan tengah hari.

Dengan ini, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak. Terima kasih.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:15 pagi.**

## **PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

### **Jurutulis**

Puan Zarina binti Abdul Kadir

### **Penolong Jurutulis**

Encik Mohd Ezwan bin Abdul Ghani  
Encik Muhammad Syahfiq Nizam bin Zulkipli

### **Koordinator**

Puan Hajah Rohana binti Matang

### **Pembantu Penerbitan**

Puan Malina binti Mohd Nasir  
Puan Hajah Noraisah binti Mohd Yusof  
Encik Ariff bin Abu Bakar

### **Pembantu Operasi (Bentara)**

Encik Razine bin Sulaiman  
Encik Hamdan bin Markom  
Encik Norhayadi bin Hussien  
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi  
Encik Mohd Norazri bin Kasim  
Encik Mohd Sapri bin Manan  
Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah  
Encik Muhammad Khairul bin Arop

### **Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)**

Puan Hajah Azlin bin Bahrin  
Puan Junaidah binti Paing  
Puan Nordalilah binti Dahalan  
Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak  
Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi  
Puan Norhafizah binti Osman  
Puan Norazilawati binti Misri  
Puan Fakhrinazia binti Fuad

### **Rakaman**

Encik Nor Risam bin Esa  
Encik Azizan bin Md Sidi  
Encik Khairul Anuar bin Umar Usman

**Juruaudio Video**

Encik Ismail bin Abu Bakar  
Encik Noorazhan bin Mohd Salleh  
Encik Mohd Noriskandar binti Rosli  
Encik Shamsul Anuar bin Kamarludin  
Mohd Faizal bin Ja'ffar

*UNIT DEWAN  
PEJABAT JURUTULIS  
DEWAN NEGERI JOHOR  
11 SEPTEMBERI 2025*